

DATE: **21ST ANUARY 2015 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **UTUSAN MALAYSIA – IMIGRESEN TIDAK PERLU LANTIK MYEG – PG.28**

28 DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA • RABU 21 JANUARI 2015

KDN perlu menyedari bayaran proses pendaftaran PLKS baharu dinaikkan daripada RM50 kepada RM125 selepas disemak pada 1 April tahun lalu.”

MARGMA

Imigresen tidak perlu lantik MyEG

Oleh **FARHANA JONI**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 20 JAN.**

JABATAN Imigresen tidak sepatutnya melantik My E.G Services Berhad (MyEG) untuk melaksanakan proses pembaharuan permit pekerja asing sebaliknya agensi di bawah Kementerian

Dalam Negeri (KDN) itu harus memantapkan perkhidmatan kaunter sedia ada.

Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (Margma) menerusi satu kenyataan berkata, kaedah itu dapat mewujudkan persaingan sihat antara Jabatan Imigresen dan MyEG supaya saling menawarkan perkhidmatan terbaik kepada majikan untuk memperba-

harui pas lawatan kerja sementara (PLKS) pekerja asing masing-masing.


Katanya, persaingan itu secara tidak langsung akan menggalakkan MyEG menurunkan kadar bayaran perkhidmatan mereka dan memberi pilihan kepada majikan sama ada mahu menggunakan perkhidmatan kerajaan atau swasta.

“KDN perlu menyedari bayaran proses pendaftaran PLKS baharu dinaikkan daripada RM50 kepada RM125 selepas disemak pada 1 April tahun lalu dan belum cukup setahun dijalankan, kaedah baharu pula dilaksanakan.

“Bagi Margma, Jabatan Imigresen sepatutnya menggunakan RM125 yang diterima daripada majikan pekerja asing itu sebagai bayaran kepada MyEG bagi menguruskan sistem *online* (dalam talian) dan perkhidmatan lain,” kata kenyataan itu di sini hari ini.

KDN telah melaksanakan proses pembaharuan permit pekerja asing secara dalam talian di Semenanjung Malaysia secara berperingkat-peringkat bermula 24 Disember 2012 dan berkuatkuasa sepenuhnya pada 5 Januari lalu.

Tambah kenyataan tersebut Margma menyokong usaha kerajaan meningkatkan tahap kecekapan dan produktiviti setiap agensi di bawah KDN dengan menggunakan perkhidmatan secara dalam talian bagaimanapun perubahan itu tidak sepatutnya membebaskan majikan pekerja asing dengan kos tambahan yang perlu dibayar kepada syarikat swasta lain.

 KENYATAAN TENDER					
Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KK) / Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-					
No. Tender	Keterangan	Kategori	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tarikh Tutup (12.00 tgh)	Tempat Dokumen Tender Dijual & Tempat Serahan
RfX No. : 400000452	Pembekalan & Pengiriman Transformer Oil.	KK & TNB: 060302 (sekitarnya pengedar untuk bahan ini) atau 060399 (pengilang untuk bahan ini atau Vendor / Vendor pilihan TNB untuk bahan ini)	RM 10,000.00 (Bank Draft/ Cashier's Order) (Caj Kod : 060027W/ 44510) Tenaga Nasional Berhad	16.02.2015	e-tender
Bagi vendor/pembekal/kontraktor TNB yang telah berdaftar di dalam SUS setelah tender diapungkan boleh menghubungi En. Raja Saharuddin Bin Raja Daud seperti di bawah untuk membuka penyertaan tender ini.					
DEMBELIAN TENDER:-					

GAJI MINIMUM Harian Metro - Pg. 22 - 21 Jan 2015

Pekerja asing makin ramai

■ Kenaikan upah gagal ubah senario

Oleh **Fazurawati Che Lah**
fazurawati@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

Pembayaran gaji minimum yang diperkenalkan kerajaan setahun lalu dilihat tidak menurunkan jumlah keberuntungan negara terhadap pekerja asing di negara ini, sebaliknya pelaksanaan itu meningkatkan kedatangan mereka sehingga melebihi 55 peratus.

Perkara itu diakui Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) yang menyatakan Malaysia kini menjadi tumpuan warga asing untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lumayan berbanding negara asal.

Pengarah Eksekutif MEF Shamsuddin Bardan berkata, sehingga kini seramai 2.8 juta warga asing memenuhi ruang pekerjaan di Malaysia dan angka ini meningkat sebanyak sejuta orang selepas penguatkuasaan pada Januari 2014.

"Sebelum 2013, hanya 1.8 juta warga asing yang bekerja di negara ini memabitkan pekerjaan sebagai keselamatan, buruh dan pelayan di premis makanan



SHAMSUDDIN
atau pasar raya.

"Peningkatan itu membuktikan hasrat kerajaan untuk mengurangkan keberuntungan terhadap warga asing tidak tercapai kerana mereka lagi tertarik datang ke Malaysia kerana gaji yang ditawarkan di sini lebih tinggi berbanding di negara mereka," katanya ketika dihubungi.

Katanya, usaha menarik keupayaan penduduk tempatan bekerja di sektor yang dahulunya tidak diminati seperti bahagian keselamatan, perladangan dan pertanian hanya menunjukkan kesan minimum.

"Sebenarnya, mereka tidak berminat bukan kerana

faktor gaji tetapi status sosial pekerjaan itu yang dikira rendah bagi masyarakat tempatan biarpun segelintir majikan menawarkan gaji yang tinggi.

"Oleh itu, saya merasakan pekerjaan seperti itu memerlukan penjenamaan semula dan gaji dengan jawatan ditawarkan juga harus melayakkan seseorang mempunyai kemahiran yang disijilkan.

"Sebagai contohnya bekerja di bahagian keselamatan, seseorang perlu ada pensijilan yang tertentu dan gaji yang ditawarkan mengikut sijil dimiliki serta sahkan kerajaan," katanya.

Dasar gaji minimum dilaksanakan mengikut Akta Majlis Perundangan Gaji Negara (MPGN) 2011 di bawah Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2013 yang menyelaraskan gaji minimum pekerja semua sektor.

Penetapan gaji minimum bagi sektor swasta diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 30 April 2012 dan diwartakan 16 Julai tahun sama pada kadar RM900 di Semenanjung, manakala di Sabah, Sarawak dan Labuan adalah RM800.

DATE: **21ST JANUARY 2015 (WEDNESDAY)**

MEDIA: **THE STAR – EMPLOYERS CAUTIOUS OF PLAN TO REVIEW WORKERS' LEVY – PG.03**

Employers cautious of plan to review workers' levy

PETALING JAYA: The planned review of the foreign workers levy is being met with caution by employer interest groups as they are unsure if it would be increased or decreased.

MECA Employers Consulting Agency director Dharmen Sivalingham said an increase would mean higher costs for consumers, especially given that employers normally end up paying for their staffs' levies.

"And as Malaysian employers do significantly rely on foreign workers, this may be too burdensome.

"With the impending GST (Goods and Services Tax) and rising costs, to go down this route (of increasing levy) at this point might lead to a backlash from consumers," he said.

The levy was supposed to have been paid by foreign workers but employers normally absorb it as part of the costs of doing business.

Dharmen added that restrictions by the Labour Department also limited how much bosses could recover from their workers.

For example, even bosses who provide accommodation for their workers could only deduct a "fixed amount" from their foreign workers.

Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak announced a review of the levy on foreign workers during the budget review yesterday – without specifying the direction of the revision.

Malaysian Employers Federation director Datuk Shamsuddin Bardan said the levy would help the Government to partly recoup remittances by foreign workers.

He added that officially, foreign workers remitted about RM30bil each year, though he claimed the actual figure could be high as RM50bil.

"Not all remittances are via official channels, and the levy was necessary for the Government to gain revenue," he said.

Shamsuddin added that the levy worked so as long as foreign workers, and not their employers, pay it.